

Kolokium NCWE bincang Kejuruteraan Angin dan Gempa Bumi

Kuantan, 14 Januari– Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam (FKASA) Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam Universiti Sains Malaysia (USM) buat pertama kalinya menganjurkan program '1st National Colloquium on Wind and Earthquake Engineering' (NCWE) di Swiss Garden Beach Resort, Pahang baru-baru ini.



NCWE memberi peluang peserta meningkatkan pengetahuan dan kefahaman dalam bidang kejuruteraan angin melalui sesi '*International Advance School*' yang menampilkan dua orang pakar antarabangsa dalam bidang kejuruteraan angin iaitu Professor Dr. Yukio Tamura dari Tokyo Polytechnic University, Jepun dan Professor Dr. Shuyang Cao dari Tongji University, China.

Dekan FKASA, Dr. Ideris Ali berkata, peserta kolokium dapat berkongsi dan membentangkan kertas kerja hasil penyelidikan dalam kedua-dua bidang. Sebanyak 26 kertas kerja penyelidikan dari pelbagai institusi telah diterima dan bakal diterbitkan dalam '*Journal of Civil Engineering and Geo-Environmental*' setelah melepasi proses penilaian oleh pakar-pakar berkaitan.

"Sebanyak 9 mata CPD dan 20 mata CCD telah diiktiraf untuk diberikan kepada para peserta oleh Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)," katanya.



Dalam program ini Profesor Yukio Tamura dari Tokyo Polytechnic University Jepun yang membentangkan kertas kerja bertajuk 'Equivalent static wind load' dan Aerodynamic characteristic of tall building' manakala Profesor Shuyang Cao dari Tongji University, China berkongsi kepakaran dengan tajuk 'Strong wind and characteristic dan CFD application on structural wind engineering problem'. Manakala Ing. Wan Nazri Wan Aria dari Gruppe Consultant Sdn Bhd berbincang mengenai topik 'Consideration of wind and seismic design for tall building'. Lain-lain adalah Prof. Dr. Taksiah A. Majid dari Universiti Sains Malaysia (USM).



Sementara itu, penerima anugerah Best Paper Award, Ir. Hj. Mohd Noor Azudin Mansor dari Jabatan Kerja Raya Malaysia dan Innovative Paper Award yang dinobatkan kepada Dr.Eng. Hadyan Hafizh, City University, Dr. Mariyana Aida Ab Kadir (Universiti Teknologi Malaysia), Farah Alwani Wan Chik (Universiti Sains Malaysia) dan Dr. Noor Sheena Herayani Harith (Universiti Malaysia Sabah).

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 02-02-2017, 17:12:55